

11 SEP 1996  
Muhyiddin-Sukom  
MUHYIDDIN MAHU SUKOM BERGERAK SEPENUHNYA

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Sukom Ninety Eight Berhad telah diminta supaya bergerak dengan sepenuhnya dan memberi perhatian kepada semua aspek kerana tempoh dua tahun lagi ke Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur adalah kritikal. kata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Banyak perkara yang perlu diberi tumpuan dan saya telah mengingatkan mereka supaya bersungguh dan adakan senarai kegiatan," beliau memberitahu pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Muhyiddin berkata beliau berpuas hati dengan kemajuan dan persediaan yang dibuat oleh syarikat yang dilantik untuk menganjurkan Sukan Komanwel itu tetapi ia juga perlu menentukan semua berjalan mengikut jadual tanpa ada kelewatan.

Sukan 15 acara itu akan di adakan pada 10 hingga 20 Sept, 1998.

Beliau juga berkata Pengerusi Eksekutif Sukom, Tan Sri Hashim Ali telah diberitahu supaya mengadakan penyelarasan dan perhubungan yang lebih lagi dengan pihak kementeriannya dan badan-badan kerajaan yang lain untuk menyelesaikan apa-apa masalah.

"Tempoh dua tahun sudah mencukupi dan masanya telah tiba untuk menentukan supaya perkara-perkara seperti teknologi mendapat tempat. Saya akan memperhatikan kemajuan yang dibuat oleh semua jawatankuasa yang terlibat," katanya.

Beliau juga berkata Kabinet telah mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Seni dan Pelancongan supaya mengambil alih pengendalian upacara pembukaan dan penutup daripada Panglima Angkatan Tentera.

"Kabinet mahukan dilebihkan unsur-unsur kebudayaan dalam upacara pembukaan dan penutup sukan itu. Mereka mahu ianya mencerminkan pencapaian kita dan kehidupan pelbagai kaum dalam negara kita," kata beliau.

Bagaimanapun, Muhyiddin berkata Angkatan Tentera masih terlibat untuk menentukan kelicinan kedua-dua upacara itu.

Selain dari itu, satu jawatankuasa khas pengangkutan dan lalu lintas telah ditubuhkan untuk menentukan Kuala Lumpur tidak akan mengalami masalah seperti Sukan Olimpik di Atlanta.

"Kita perlu kira-kira 600 bas dan menyelaraskan jenis pengangkutan yang lain untuk para atlit dan orang ramai. Ini semua memerlukan perancangan dari sekarang," katanya.

Beliau juga berkata Majlis Sukan Negara (MSN) akan mengkaji kemungkinan memberi lebih banyak biasiswa untuk remaja mengambil kursus menunggang kuda (equestrian) secara serius.

"Kami boleh mengadakan biasiswa itu kerana kami mempunyai peruntukan untuk tujuan-tujuan pendidikan. Mereka yang layak boleh mengambil kursus equestrian di luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya ada badan-badan yang dapat mengadakan peruntukan atau biasiswa untuk remaja mengambil kursus equestrian.

Dr Mahathir, ketika berucap di Pesta Equestrian Merdeka Kelima Perbadanan Johor Sabtu lepas, berkata bahawa equestrian adalah antara sukan yang Malaysia mempunyai postensi diperingkat antarabangsa.

Muhyiddin berkata beliau akan mempertimbangkan cadangan Perdana Menteri itu, dan menambah bahawa kementeriannya pernah memberi satu biasiswa untuk tujuan itu. -- BERNAMA.

AR WAT